RM10,000 untuk kebajikan haiwan

Harian Metro 11/8/12

FOTO | Rozela Ismail

TERIMA KASIH...Lee (tiga dari kiri) bersama wakil dari SPCA dan Paws menerima sumbangan daripada The Insatiables.

KUALA LUMPUR: Prihatin terhadap kebajikan haiwan terbiar, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), The Insatiables menyampaikan sumbangan RM10,000 kepada Persatuan Pencegahan Penganiayaan Haiwan (SPCA) Selangor dan Pertubuhan Kebajikan Haiwan (Paws), di sini, kelmarin.

Wang itu dibahagi secara sama rata kepada dua pusat perlindungan itu dan disampaikan Ketua Projek The Insatiables, Rosnah Abdullah kepada Penaung SPCA Selangor, Tan Sri Lee Lam Thye serta Pengurus Pusat Paws, Edward Lim.

Justeru itu, SPCA bercadang menggunakan wang diberikan untuk membeli sangkar keluli tahan karat bagi menempatkan kucing manakala Paws mahu membina stor menyimpan makanan haiwan di pusat perlindungannya.

Rosnah berkata, organisasi dapat mengumpul sebanyak RM13,000 hasil daripada penganjuran lapan program antaranya bengkel kulinari dan manik sejak April lalu.

"Kami memilih untuk membantu SPCA dan Paws kerana mengetahui pusat ini memerlukan wang banyak untuk menguruskan haiwan terbiar yang ditempatkan di situ," katanya.

Katanya, baki wang derma dikumpul itu akan digunakan untuk program tanggungjawab sosial korporat The Insatiables seterusnya.

Sementara itu, Lee yang juga selaku Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) berterima kasih atas usaha The Insatiables dalam mengadakan pelbagai program untuk mengumpul dana bagi pusat itu.